

# Melayu jual permit, kontrak 'amat memalukan'

**KUALA LUMPUR** 17 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap orang Melayu yang menerima permit, kontrak dan lesen daripada kerajaan tetapi kemudian mencari keuntungan cara pintas dengan menyerahkannya kepada pihak lain sebagai sesuatu amat memalukan.

Dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO, Presiden UMNO itu menegaskan, beliau boleh menerima kritikan, dimaki hamun dan diperlecehkan tetapi amat sedih apabila melihat ada orang Melayu yang mencari kesenangan dengan jalan mudah.

Dengan nada yang mahukan mesejnya difahami oleh semua pihak di hadapan kira-kira 2,500 perwakilan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Abdullah berkata:

"Saya akan rasa amat sedih bukan kerana orang kritik saya, bukan kerana orang maki hamun saya, bukan kerana orang hendak perleceh saya. Saya tidak peduli sangat fasal itu.

"Tetapi yang akan menyedihkan saya sesedih-sedihnya adalah jika berlaku di kalangan orang Melayu yang mendapat peluang sesuatu kemudahan permit, lesen

**Tahap marah dah hilang, tahap marah berganti sedih. Saya rasa kecil hati dan paling sedih sekiranya itu berlaku. Ia amat-amat memalukan**

**ABDULLAH  
AHMAD BADAWI**  
Presiden UMNO

dan kontrak apa pun, (tetapi) diserahkan kepada orang lain pula untuk melaksanakannya.

"Tahap marah dah hilang, tahap marah berganti sedih. Saya rasa kecil hati dan paling sedih sekiranya itu berlaku. Ia amat-amat memalukan," kata Abdullah.

Perdana Menteri kecewa kerana golongan Melayu seumpama itu tidak tahu menghargai peluang yang diberikan kepada mereka dan tidak tahu hendak berusaha bersungguh-sungguh bagi memanfaatkan pemberian itu.

"Takkanlah saya perlu berulang-ulang hendak merayu lagi. Amat-amat memalukan," katanya dalam nada kesal.

Sehubungan itu, Abdullah memberi jaminan bahawa kerajaan akan mencari jalan untuk mengelak berlakunya 'ketirisan' dalam projek-projek yang dijayakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMK-9).

Dalam usaha mengatasi masalah 'ketirisan' akibat sikap golongan Melayu seperti itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa sebuah badan yang dikenali sebagai Gabungan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) diwujudkan dengan dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata, Gabem ialah badan bukannya kerajaan yang penubuhannya direstui UMNO dan dianggotai oleh pelbagai pihak termasuk golongan profesional Melayu.

"Penubuhan Gabem antara lain untuk memastikan supaya ketirisan itu dikurangkan sebanyak-banyaknya ataupun dipastikan tidak ada langsung ketirisan apabila kita jayakan dan laksanakan RMK-9.

"Saya percaya orang bukan Melayu pun akan senang hati jika orang Melayu menggunakan sebaik-baiknya segala yang diberikan kepada mereka berdasarkan kebo-

lehan dan dasar-dasar yang ditetapkan," tegasnya.

Dalam ucapan penggulungannya juga, Abdullah mengajak orang Melayu dapat memahami maksud di sebalik slogan *Bekerja Bukan Untuk Saya, Bekerja Bersama Saya*.

"Ada yang merupakan sesuatu peluang yang boleh diambil oleh bumiputera dan orang Melayu. Ada yang memerlukan kerjasama mereka. Inilah yang diharapkan.

"(Bagaimanapun) kalau nak kerjasama dengan saya, pastikanlah apa yang kami laksanakan, saudara jayakan. Inilah harapan saya," katanya.

Bagi memastikan pentadbirannya telus, Perdana Menteri memberitahu para perwakilan UMNO bahawa beliau bersedia menerima teguran.

"Jika saya tidak betul, tegurlah, tegurlah. Saya tidak pernah bimbang dengan teguran, tegurlah. Beritahulah tang (di) mana tidak betul serta beri cadangan apa perlu dilakukan dan saya tidak akan persoalkan kesetiaan saudara.

"Kita tahu tidak ada mana-mana orang yang sempurna segala-galanya. Dirinya, caranya dan kerjanya akan ada salah dan silap kadang-kadang," tegas Abdullah.